

25 SEP 2001

MAHATHIR-RANGSANGAN

BELANJA WANG UNTUK GALAKKAN PERTUMBUHAN DOMESTIK

PUTRAJAYA, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan melihat kepada ekonomi domestiknya sendiri bagi menggalakkan pertumbuhan dan mahu wang yang diperuntukkan oleh kerajaan dibelanjakan.

Semasa mengumumkan pakej rangsangan sebanyak RM4.3 bilion pada sidang media di sini hari ini, beliau berkata jumlah berkenaan tidak besar dari segi perbelanjaan tahunan tetapi dana tambahan itu akan membantu merangsangkan ekonomi secara dalaman.

Beliau berkata pembiayaan pakej berkenaan adalah khusus daripada sumber domestik, justeru Belanjawan tahun depan akan mempunyai desifit yang lebih besar tetapi masih di peringkat yang boleh diterima.

Pakej rangsangan itu akan membantu mengurangkan kesan faktor-faktor luaran dan membolehkan Malaysia untuk kekal mencatatkan pertumbuhan positif tahun ini, antara satu hingga dua peratus.

Berikutan serangan penganas baru-baru ini, ekonomi Amerika Syarikat akan terjejas dan ia tidak berkeupayaan untuk mendapatkan eksport Malaysia dan ini sebaliknya akan memberi kesan kepada ekonomitempatan serta juga lain-lain negara.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan sedang berusaha supaya "walaupun seluruh ekonomi dunia jatuh, kita tidak akan jatuh sejauh itu".

Sehubungan itu, kerajaan mahu wang yang diperuntukkan itu dibelanjakan.

"Pengalaman kami ialah bila kerajaan menyediakan wang, keupayaan untuk membelanjakan wang tidak ada. Sebagai contoh, sekiranya kita mempunyai projek, peringkat pertama ialah memperolehi tanah ...kemudiannya tidak ada yang dibelanjakan sepanjang tahun. Walaupun kita mempunyai belanjawan yang besar, kita tidak merangsangkan apa-apa".

Beliau berkata Perbendaharaan akan menyediakan wang kepada pelbagai kementerian bagi memudahkan dan mempercepatkan urusan niaga.

Sebagai contoh, bagi projek-projek kecil, kata beliau, kerajaan akan membayar terus 70 peratus kepada bank-bank supaya pembayaran berperingkat boleh dibuat.

Dengan pakej itu yang menjadi langkah suntikan dana, ia bergantung kepada kerja-kerja yang dilaksanakan dalam negara.

Beliau berkata kerajaan mencari jalan untuk merangsang sektor swasta dan sama ada ia boleh melakukan sesuatu bagi membantu kemampuan pengeluaran sektor berkenaan dan bagi (syarikat-syarikat sektor swasta) untuk memperluaskan pasaran bagi produk mereka kepada pasaran bukan tradisional seperti Timur Tengah (Asia Barat).

Pakej rangsangan itu juga termasuk usaha-usaha untuk menggalakkan pelancongan dan Dr Mahathir berkata Malaysia bernasib baik kerana tidak bergantung kepada pelancong dari Amerika Syarikat sahaja.

Beliau berkata hotel-hotel juga tidak melaporkan sebarang kelembapan dalam aktiviti mereka dan ia kekal tidak jelas masa ada terdapat peningkatan dalam jumlah ketibaan pelancong kerana mereka tidak dapat ke Amerika Syarikat.

Beliau berkata usaha-usaha pakej rangsangan itu bukan untuk mendapat faedah daripada masalah orang lain tetapi lebih kepada membantu ekonomi tempatan. -- BERNAMA

SHO SEL NHD